

MINGGU 2: SISTEM POLITIK DAN KERAJAAN



SISTEM POLITIK AWAL

- Bersifat tidak kompleks
- Kerap mengadakan perbincangan / mesyuarat dan rundingan
- Wujud konsep kepimpinan -> memelihara keamanan dan memberi perlindungan daripada musuh
- Perlu ketua/tokoh yang dihormati -> senioriti, pengalaman luas, mempunyai kuasa luar biasa (bomoh @ pawang) dan pandai bermain senjata
- Jawatan ketua secara turun-temurun

- Konflik sering berlaku -> perebutan kawasan
- Sistem politik lebih tersusun dengan wujudnya kampung-kampung
- Organisasi politik yang kuat akan menakluk kawasan lain sebagai kawasan naungan
- Istana sebagai pusat pemerintahan -> raja dan pembesar-pembesar
- Pusat pemerintahan berdekatan dengan pelabuhan

SISTEM EMPAT PEMBESAR



BENDAHARA



PENGHULU
BENDAHARI



LAKSAMANA



TEMENGGONG


SISTEM PEMERINTAHAN

- Konsep persekutuan diperkenalkan oleh pihak British pada 1895 melalui negeri-negeri Bersekutu -> sistem residen.
- Wujud Majlis Perundangan -> sultan-sultan, residen, general residen dan Pesuruhjaya Tinggi British (Ketua Negeri).
- Digantikan dengan Dewan Undangan Persekutuan melalui pilihanraya 10 Jun 1959 -> YDPA sebagai ketua

- Kerajaan persekutuan merupakan badan penyelaras melibatkan kepentingan umum negara.
- Sabah & Sarawak mempunyai kuasa kerajaan negeri yang berbeza -> mahkamah, hal ehwal imigresen dan kewangan

DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Persekutuan Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.



- *Government of the people, for the people, by the people*
- Sudah lama diamalkan dalam Adat Temenggong (Majlis Mesyuarat Pembesar Negeri dan Orang Besar Berempat) dan Adat Papatih (prinsip muafakat)
- Bermula pada 1951 (pilihanraya bandaran PP), 1952 (pilihanraya bandaran KL) sehingga pilihanraya umum pertama (1955)

- Kabinet memainkan peranan penting -> badan pemerintah
- Rang undang-undang perlu mendapat kelulusan parlimen
- Pemerintah perlu disukai rakyat kerana perlu mendapat majoriti dan sokongan mereka
- Rakyat memainkan peranan penting untuk memilih pemimpin (demokrasi)

RAJA BERPELEMBAGAAN

- Jawatan ketua negara dipilih secara bergilir-gilir dalam kalangan raja-raja Melayu -> YDPA.
- Kerajaan pusat yang memerintah adalah sebuah kerajaan berpelembagaan
- YDPA akan melaksanakan segala tanggungjawab menurut perlembagaan Malaysia

STRUKTUR PEMERINTAHAN

- Kerajaan Pusat -> institusi besar yang melaksanakan peranan kerjaa
- Ia dibantu oleh 3 badan utama:
 1. Badan perundangan (legislatif)
 2. Badan eksekutif (pemerintah)
 3. Badan kehakiman (judisial)

1. BADAN PERUNDANGAN (Legislatif)

- Fungsi: menggubal, meminda dan meluluskan udg2.
- Parlimen terdiri daripada 2 dewan -> Dewan Negeri & Dewan Negara
- Dewan Rakyat diberi kuasa lebih dalam menggubal rang undang-undang berkaitan pencukaian, pinjaman wang, akaun persekutuan dan akaun negeri.
- Dewan Negara (3 tahun - satu penggal) dan Dewan Negeri (5 tahun - satu penggal)

- Undang2 yang digubal oleh Parlimen @ DUNegeri perlu mendapat perkenan:
 - YDPA (diperingkat persekutuan)
 - Sultan@Yang Dipertua Negeri (peringkat Negeri)
- Menurut Perlembagaan persekutuan, tugas mengubal, meminda & meluluskan udg2 boleh dilakukan Jemmah Menteri (bdn eksekutif) atas nama parlimen.

2. BADAN EKSEKUTIF

- Badan yang menjalankan pentadbiran dan pemerintahan negara (persekutuan /negeri).
- Ia melaksanakan undang2 yang telah diluluskan oleh badan perundangan.
- Di peringkat Negara, YDPA -> ketua eksekutif dan dibantu oleh Kabinet dan PM.
- Di peringkat Negeri, Sultan/Raja/Yang Dipertuan Negeri -> kuasa eksekutif.

BIDANG KUASA YDPA

- Kuasa mengikut budi bicara sendiri -> melantik PM, bubar atau tidak memenuhi permintaan Parlimen, Persidangan Raja-Raja Melayu
- Kuasa yang bukan mengikut budi bicara sendiri (PM @ Kabinet) -> perkenan undang-undang, melantik ahli-ahli tidak rasmi Dewan Negara, tugas-tugas pentadbiran (kehakiman, pilihanraya, pendidikan, polis)
- Kuasa di sisi undang-undang -> YDPA tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah, hak pengampunan

PEMILIHAN YDPA

- **Yang Dipertuan Agong** dipilih dari kalangan Raja-Raja Melayu.
- Seseorang raja layak dipilih memegang jawatan ini kecuali:
 - Baginda masih remaja
 - Baginda tidak mahu menjadi Yang Dipertuan Agong
 - Gila @ keuzuran fizikal
- Ada sebab2 lain yang meyakinkan Ahli Majlis dengan sokongan undi minimum 5 orang.



MAJLIS RAJA-RAJA

- Ditubuhkan pada tahun 1948
- Tujuan penubuhan: memperjuangkan kedaulatan Raja2Melayu dari dihapuskan oleh British.
- Dianggotai oleh
 - Raja2/Sultan dari 9 buah negeri
 - YDP Negeri bagi Melaka, Pulau Pinang, Sabah & Sarawak.
- Persidangan Majlis Raja-Raja diadakan 3 @ 4 kali setahun.
- Setiap persidangan mengambil masa 3 hari

PERANAN MAJLIS RAJA-RAJA

- Memilih YDP Agong & Timbalan YDPA
- Mempersetujui @ tidak amalan dan upacara keagamaan yang meliputi seluruh Persekutuan
- Mempersetujui @ tidak undang²
- Memberi nasihat mengenai perlantikan yang menurut perlembagaan serta memerlukan persetujuan selepas berunding dengan MRR.
- Melantik anggota² Mahkamah Khas
- Memberi pengampunan, menangguhkan @ meringankan hukuman
- Menimbang soal² mengenai dasar negara.

BIDANG KUASA KABINET (JEMAAH MENTERI)

- Terdiri daripada menteri-menteri yang diketuai PM
- JM terdiri dpd mereka yg mewakili parti yang mendapat majoriti dalam parlimen.
- Badan pelaksana dasar dan undang-undang yang dipersetujui oleh Parlimen
- Menteri Besar mengetuai kuasa eksekutif di peringkat negeri dan dibantu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
- Undang-undang negeri tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan

PERDANA MENTERI

- Perlantikan PM sebagai ketua kabinet dilantik oleh YDP Agong & PM dipilih daripada kalangan ahli Dewan Rakyat yang dipercayai mendapat sokongan majoriti ahli-ahli Dewan.



MENTERI

- Menteri² lain dilantik dari kalangan ahli -
 - Dewan Rakyat
 - Dewan Negara.
- Seorang menteri boleh mengetuai satu @ lebih kementerian.
- Seseorang menteri yang dilantik mengetuai sesuatu kementerian bertanggungjawab menjalankan tugas² yang diberikan kepadanya mengikut Akta Tugas² Menteri

AGENSI BADAN EKSEKUTIF

- Jawatankuasa-Jawatankuasa -> membantu menyediakan dasar spt Jawatankuasa Pendidikan, Pelaburan, Penjawatan dan Kewangan.
- Kementerian/Jabatan -> melaksanakan tugas-tugas pemerintahan. Menteri tidak berportfolio ditempatkan di JPM.
- Badan Berkanun -> melaksanakan rancangan pembangunan oleh kerajaan

KSN & PERKHIDMATAN AWAM

- KSN -> pegawai perkhidmatan awam tertinggi dan setiasusaha kepada Kabinet. Setiap kementerian diketuai oleh Ketua Setiausaha.
- Kakitangan perkhidmatan awam -> personel Perbadanan Awam Persekutuan, Perbadanan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan

3. BADAN KEHAKIMAN

- Badan kehakiman terletak di mahkamah.
- Mahkamah mempunyai 4 bidang kuasa yang besar iaitu:
 - mentafsirkan perlembagaan
 - mentafsir sesuatu undang²
 - mengisytiharkan sesuatu undang-undang² bertulis persekutuan @ negeri sebagai tidak sah
 - Kuasa mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan sebagai tidak sah di sisi undang-undang

- Ahli -> hakim-hakim yang dilantik oleh YDPA atas nasihat PM. Ahli mestilah bebas daripada dimiliki, dikawal oleh mana-mana pihak.
- Sistem mahkamah di Malaysia secara umumnya boleh dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah.

Terdapat 9 jenis mahkamah iaitu:

1. Mahkamah Agung
2. Mahkamah Tinggi
3. Mahkamah Sesyen
4. Mahkamah Majistret
5. Mahkamah Penghulu
6. Mahkamah Anak Negeri/Daerah
7. Mahkamah Juvana
8. Mahkamah Syariah
9. Mahkamah Perusahaan

Perbincangan minggu ini:

- Terangkan tentang sistem kesultanan Melayu Melaka:
 - Kegemilangan kesultanan melayu melaka
 - Kejayaan melaka
 - Kejatuhan melaka
- Hantar jawapan anda ke dalam forum elearning sebelum Jumaat ini, 23 September 2011.